

32 juta rakyat Malaysia bersatu hati semarakkan ulang tahun kemerdekaan ke-62

Patriotisme rakyat asas perpaduan

KUALA LUMPUR - Kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan 2019 di seluruh negara membuktikan perpaduan serta semangat patriotisme dalam kalangan rakyat di negara ini tidak pernah luntur dan masih kekal utuh.

Semangat kebersamaan ditampikan menerusi penyertaan pelbagai kaum dalam pelbagai acara yang dianjurkan sama ada di peringkat komuniti hinggalah peringkat kebangsaan.

Kesungguhan seluruh warganegara Malaysia jelas mencerminkan keharmonian dan kemakmuran negara yang dikecapi selama 62 tahun.

Bertemakan *Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih*, aspirasi Hari Kebangsaan kali ini didukung oleh empat komponen - kenegaraan, ketenteraman awam, keselamatan negara dan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih.

Selain acara sambutan peringkat kebangsaan di Dataran Putrajaya, negeri-negeri juga mengadakan program dengan dihadiri kepimpinan negeri.

Sambutan di Putrajaya semalam bagaimanapun mencatat keistimewaan apabila Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bil-

INFO

Tema Hari Kebangsaan

2019 - Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih

2018 - Sayangi Malaysiaku

2017 - Negaraku #SehatiSejiwa

2016 - Malaysia #SehatiSejiwa

2015 - Malaysia #SehatiSejiwa

2014 - Malaysia, Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta

2013 - Malaysiaku Berdaulat : Tanah Tumpahnya Darahku

2009 - 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

2012 - 55 Tahun Merdeka: Janji Ditepati

2011 - 1 Malaysia: Transformasi Berjaya, Rakyat Sejahtera

2010 - 1 Malaysia: Menjana Transformasi

lah Shah berkenan berangkat ke acara tersebut, yang pertama bagi Seri Paduka mencemar duli ke sambutan hari kebangsaan sejak ditabalkan pada 30 Julai.

Disaksikan jutaan rakyat melalui kehadiran orang ramai di Dataran Putra-

jaya serta tontonan siaran langsung di kaca televisyen dan laman media sosial, para pengunjung telah diraikan oleh 2,120 pelajar sekolah yang melakukan pergerakan formasi manusia seawal 6.30 pagi.

Sejurus keberangkatan tiba Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, acara dimulakan dengan nyanyian lagu keramat *Negaraku* diiringi acara menaikkan Jalur Gemilang.

Turut hadir menyaksikan sambutan tersebut ialah Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, menteri-menteri Kabinet serta perwakilan asing.

Dr. Mahathir memandu sendiri kereta Proton Saga model baharu berwarna merah ke acara tersebut.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sambutan acara perbarisan dan perarakan di Putrajaya semalam menjadi platform kepada rakyat Malaysia pelbagai kaum untuk bersatu dalam meraikan ulang tahun kemerdekaan negara ke-62.

Pada sambutan semalam, bacaan ikrar Rukun Negara dipimpin Ketua Pe-

nolong Kanan Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Zuhairie Abu Bakar dan diiringi 62 pembaca ikrar.

Mendahului segmen kenegaraan ialah perarakan kontinjen pembawa bendera besar oleh 60 pegawai kadet Akademi Latihan Ketenteraan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan 20 kadet inspektor dari Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia.

Sebanyak 15,940 peserta dan 345 aset dan 46 ekor kuda terlibat dalam acara perbarisan dan perarakan semalam.